



MAJLIS DAERAH TUMPAT

KENYATAAN SEBUTHARGA

No. Sebutharga : 08/2025

1. Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar di bawah **kod bidang 222401 – Perkhidmatan/Perkhidmatan Menjahit Dan Baik Pulih/Menjahit Pakaian Dan Kelengkapan dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) bertaraf Bumiputera**, berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** bagi perkhidmatan seperti berikut : -

Bil.	No. Sebutharga	Tajuk Perkhidmatan	Kod Bidang	Harga Dokumen Sebutharga
1.	08/2025	PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TUMPAT BAGI TAHUN 2026	222401	RM 50.00 Senaskah

2. Dokumen Tawaran Sebutharga mula dijual pada **28 Oktober 2025 (Selasa)** hingga **10 November 2025 (Isnin)** pada waktu pejabat di **Bahagian Pentadbiran Dan Sumber Manusia, Majlis Daerah Tumpat** dan hanya akan dijual kepada Penyebutharga atau wakil yang sah sahaja dengan bayaran tunai dan dokumen Sijil Pendaftaran Kewangan Malaysia beserta SSM hendaklah dikemukakan semasa pembelian dokumen ini.
3. Tempoh sah laku sebutharga hendaklah Sembilan puluh (90) hari selepas tarikh tawaran ditutup.
4. Pelawaan Tawaran Sebutharga ini **DITUTUP PADA 13 NOVEMBER 2025 (KHAMIS) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI**. Dokumen Sebutharga hendaklah menggunakan sampul surat A4 berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender, di Pejabat **Majlis Daerah Tumpat**. No. Sebutharga dan Tajuk Perkhidmatan hendaklah ditulis di bahagian Kanan Sebelah Atas Sampul Surat.
5. Pihak Majlis Daerah Tumpat tidak akan terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang tawaran lain dan juga tidak memberi sebarang alasan kepada sebutharga yang tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

'ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT'
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"

Saya yang menandatangani amanah,


(**MOHD ROSLI BIN MOHAMED**)
Setiausaha
b.p. YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TUMPAT

s.k. Yang Dipertua
Fail